



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

## Pengajian Am (900)



# PENGAJIAN AM 900/1

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 42 822 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 53.05% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.58	3.58	5.08	7.31	9.04	10.47	11.99	12.27	5.83	10.55	18.31

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	6	C	11	B
2	D	7	D	12	D
3	B	8	B	13	A
4	B	9	D	14	A
5	C	10	A	15	C

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan jawapan atau respons calon, didapati bahawa soalan aneka pilihan ini mempunyai aras kesukaran yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana sebanyak 30% hingga 60% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan ini dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: Struktur dan Esei

#### Komen am


Secara keseluruhannya untuk Bahagian B dan C, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan calon tidak memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Calon memberikan jawapan atau idea yang berbentuk umum. Selain itu, calon juga tidak menguasai fakta dengan baik dan tidak mampu mengaplikasikan kemahiran menjawab soalan dengan tepat. Walau

bagaimanapun, terdapat juga calon yang menguasai fakta tetapi hujah yang dikemukakan kurang mantap. Hal ini menyebabkan calon tersebut sukar untuk memperoleh markah penuh.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **BAHAGIAN B: Soalan Struktur**

#### **Soalan 16**



Soalan ini menghendaki calon menyatakan **empat** fungsi Perundangan X seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perundangan X merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu, calon dikehendaki untuk menyatakan empat fungsi Yang di-Pertuan Agong.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Melantik senator (Perkara 45)
- Membubarkan Parlimen (Perkara 55)
- Memberhentikan Parlimen (Perkara 55)
- Memanggil Parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa (Perkara 55)
- Memperkenankan pemilihan Yang di-Pertua Dewan Rakyat/Dewan Negara (Perkara 57 (1a), dibaca bersama dengan Jadual Keenam)
- Memberikan titah dalam mana-mana sidang Majlis Parlimen (Dewan Rakyat/Dewan Negara) (Perkara 60)/merasmikan sidang Majlis Parlimen
- Melantik Setiausaha Dewan Negara/Setiausaha Dewan Rakyat (Perkara 65)
- Memperkenankan Rang Undang-Undang (Perkara 66/Perkara 68)

Sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti Perundangan X ialah Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu, calon mampu mengemukakan jawapan yang tepat dan bertepatan dengan skema jawapan. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon adalah dengan memperkenalkan Rang Undang-Undang, melantik ahli Dewan Negara, merasmikan pembukaan Parlimen, dan memanggil Parlimen bersidang dari semasa ke semasa. Namun begitu, ada juga calon yang mengemukakan jawapan yang tidak lengkap seperti memanggil Parlimen walhal jawapan yang sepatutnya adalah memanggil Parlimen bersidang.

Seterusnya, terdapat juga calon yang gagal mengenal pasti Perundangan X ialah Yang di-Pertuan Agong. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mengemukakan jawapan berkaitan dengan fungsi Parlimen secara umum. Antara jawapan calon adalah menggubal undang-undang, meluluskan belanjawan negara, dan tempat perbincangan dasar kerajaan. Selain itu, ada juga calon yang mengemukakan kuasa eksekutif seperti melantik Perdana Menteri sebagai jawapan. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Hal ini menyebabkan calon gagal untuk memperoleh markah.

Antara jawapan tidak relevan yang dikemukakan calon ialah:

- Mentafsir undang-undang
- Menggubal undang-undang
- Melantik ahli dewan rakyat
- Menjaga keselamatan negara
- Menguruskan hal ehwal rakyat
- Membincangkan dasar-dasar kerajaan
- Memanggil mesyuarat majlis raja-raja
- Membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan persekutuan

### Soalan 17

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan **tiga** keadaan yang memerlukan pilihan raya diadakan untuk mengisi kekosongan luar jangka Dewan Rakyat.

Sebahagian besar calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon adalah kematian, meletak jawatan, dan hilang kelayakan. Namun begitu, jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak lengkap. Sebagai contoh, diisytiharkan muflis walhal jawapan yang sepatutnya ialah diisytiharkan muflis yang belum dilepaskan.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Kematian ahli dewan
- Peletakan jawatan ahli dewan
- Hilang kelayakan ahli dewan:
  - (a) Disabit kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah dan dihukum penjara tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2000 serta tidak mendapat pengampunan bebas
  - (b) Memperoleh kewarganegaraan asing
  - (c) Tidak hadir dalam persidangan Parlimen selama 6 bulan berturut-turut tanpa keizinan Parlimen
  - (d) Tidak sempurna akal/tidak siuman/gila
  - (e) Diisytiharkan bankrap/muflis yang belum dilepaskan
  - (f) Melakukan apa-apa kesalahan pilihan raya dan disabitkan
  - (g) Memegang sesuatu jawatan berpendapatan
  - (h) Tidak menghantar penyata perbelanjaan pilihan raya dalam masa yang ditetapkan
  - (i) Tidak mengangkat sumpah jawatan dalam tempoh yang ditetapkan
- Pembatalan keputusan pilihan raya oleh Mahkamah Pilihan Raya/Mahkamah Tinggi

### Soalan 18

Soalan ini menghendaki calon untuk menyatakan **empat** cara agensi kerajaan boleh mengurangkan kerenah birokrasi dalam urusan harian.

Sebahagian besar calon mampu mengemukakan jawapan yang bertepatan dengan skema. Hal ini menunjukkan bahawa calon faham akan kehendak soalan yang diberikan. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah dengan meningkatkan pemantauan oleh pihak pengurusan, dan meningkatkan integriti.

Namun begitu, terdapat banyak lagi jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Memperkukuh nilai integriti
- Menyediakan perkhidmatan dalam talian
- Meningkatkan kecekapan tadbir urus awam
- Melaksanakan pengurusan yang sistematik
- Mempermudah/memendekkan proses atau urusan
- Meningkatkan pemantauan oleh pihak pengurusan
- Melaksanakan sistem kerajaan elektronik (e-kerajaan)
- Menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Seterusnya, terdapat juga calon yang tidak memahami maksud di sebalik kerena birokrasi. Hal ini menyebabkan calon mengemukakan jawapan yang tidak relevan seperti menguatkuasakan undang-undang, memberikan kursus dan latihan, dan mengadakan penyelidikan. Calon juga mengemukakan ciri-ciri tadbir urus baik sebagai jawapan kepada soalan ini. Antara jawapan yang diberikan ialah ketelusan, beretika, dan amanah. Jawapan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah.

### Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan **empat** cara mencegah perbuatan rasuah dalam sektor awam.

Antara cara mencegah perbuatan rasuah yang boleh dikemukakan oleh calon adalah yang seperti berikut:

- Meningkatkan integriti penjawat awam
- Membudayakan nilai benci rasuah dalam organisasi
- Mewujudkan unit integriti dalam agensi-agensi kerajaan
- Meningkatkan kesedaran kesan tentang buruk perbuatan rasuah
- Menggalakkan pelaporan sebarang salah laku dalam organisasi
- Menguatkuasakan undang-undang mencegah perbuatan rasuah
- Menguatkuasakan polisi tentang pemberian dan pemberian hadiah
- Mengawasi penjawat awam yang mengamalkan gaya hidup mewah
- Memperkasa/meminda undang-undang mencegah perbuatan rasuah
- Mewujudkan Jawatankuasa Antirasuah/Pelan Antirasuah Nasional/Pelan Integriti Nasional

Sebahagian besar calon mampu menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, sebahagian daripada calon mengemukakan jawapan yang tidak lengkap dan jawapan yang berbentuk umum. Hal ini bermaksud jawapan yang diberikan tidak berfokus kepada mencegah perbuatan rasuah. Antara jawapan tersebut ialah menguatkuasakan undang-undang dan mengenakan hukuman kepada pesalah. Selain itu, calon juga mengemukakan jawapan yang tidak relevan seperti membuat pemantauan berkala, mengadakan penyelidikan dan pemantauan yang ketat, melantik pemimpin yang amanah dan bertanggungjawab serta meningkatkan latihan perkhidmatan awam. Jawapan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah.

## **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

### **Soalan 20**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan cabaran yang boleh menjejaskan integriti dalam tadbir urus baik.

Antara cabaran yang boleh dikemukakan oleh calon untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Tekanan hidup
- Kelemahan individu
- Penyalahgunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- Pemimpin yang lemah
- Kelemahan sistem dan prosedur
- Pematuhan terhadap akauntabiliti
- Kelemahan dalam struktur dan institusi
- Kelemahan pematuhan undang-undang
- Budaya/amalan masyarakat yang kurang menitikberatkan integriti

Secara keseluruhannya, soalan ini menjadi pilihan calon. Namun begitu, mutu jawapan yang diberikan oleh calon berada pada tahap yang lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak dapat memahami soalan dengan baik. Calon memberikan jawapan yang berkaitan dengan ciri-ciri tadbir urus dan memberikan jawapan berkaitan dengan ciri-ciri integriti. Jawapan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah dan esei calon terpesong.

### **Soalan 21**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor yang mempengaruhi kerajaan untuk melaksanakan dasar bagi mempertahankan dan melindungi kepentingan negara.

Antara faktor yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti berikut:

- Jenayah siber
- Jenayah maritim
- Kepentingan ekonomi
- Jenayah rentas sempadan
- Masalah tuntutan bertindih
- Pendatang asing tanpa izin
- Perkembangan serantau/antarabangsa
- Ancaman terhadap perpaduan nasional
- Keselamatan nasional/kedaulatan negara

Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan calon hanya menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi dasar kerajaan dan menyebabkan karangan calon terpesong sepenuhnya. Karangan yang terpesong menyebabkan calon gagal memperoleh markah. Selain itu, terdapat juga idea yang tidak relevan yang dikemukakan oleh calon. Antara jawapan yang tidak relevan yang dinyatakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Sikap tamak
- Perundangan yang lemah
- Penguatkuasaan undang-undang yang longgar
- Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lemah
- Kurang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi

Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa calon gagal memahami soalan ini dengan baik. Hal ini dibuktikan dengan jawapan yang tidak relevan yang diberikan oleh kebanyakan calon.

## **Soalan 22**

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan kesan pergolakan politik yang tidak terkawal kepada negara.

Antara kesan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Krisis ekonomi
- Kerosakan harta benda
- Pelaburan asing terjejas
- Semangat patriotik luntur
- Menjatuhkan imej negara
- Keselamatan rakyat terjejas
- Kedaulatan negara terancam
- Menjejaskan industri pelancongan
- Pemerintahan/pentadbiran negara tergugat
- Melumpuhkan aktiviti ekonomi/pertumbuhan ekonomi terbantut

Secara keseluruhannya, sebahagian calon dapat menjawab soalan dengan betul dan memahami kehendak soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan isu ini. Walau bagaimanapun, huraian yang diberikan oleh calon kurang mantap. Hal ini menyebabkan calon hanya memperoleh markah untuk idea sahaja atau tidak memperoleh markah penuh untuk huraian. Namun begitu, sebahagian kecil calon gagal memahami kehendak soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tersebut memberikan jawapan sebab-sebab pergolakan politik berlaku seperti perebutan kuasa, salah faham, sikap tamak, dan integriti yang lemah. Selain itu, ada juga calon yang memberikan jawapan yang tidak relevan.

Antara jawapan yang tidak relevan yang diberikan oleh calon ialah:

- Peperangan
- Perpaduan kaum
- Perpecahan kaum
- Keamanan terjejas
- Ketidakstabilan politik
- Pendapatan negara terjejas
- Keselamatan negara terjejas
- Menjejaskan hubungan diplomatik

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 42 120 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 55.07% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.01	6.55	12.69	10.78	7.13	6.48	6.43	7.67	3.92	8.13	25.2

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan dan prestasi calon berada pada tahap yang sederhana. Prestasi calon pada Bahagian A agak tidak memuaskan kerana jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan. Sebahagian kecil calon hanya menjawab dua atau tiga daripada empat soalan yang diberikan dan ada juga calon yang langsung tidak menjawab keempat-empat soalan struktur tersebut. Calon juga mengemukakan jawapan secara umum dan tidak spesifik. Ini menunjukkan, mereka tidak memahami kehendak soalan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan calon yang terhad dan calon tidak menguasai fakta tentang isu yang dikemukakan soalan dalam bahagian ini.

Pada Bahagian B pula, jawapan calon berada pada tahap baik. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti media yang dikehendaki oleh soalan dengan betul. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang cuai dalam penghasilan media yang menyebabkan calon tersebut tidak mendapat markah penuh. Antara kecuai yang dilakukan oleh calon ialah menggunakan simbol dan lorekan bagi menggantikan teknik mewarna. Namun begitu, terdapat juga calon yang gagal memperoleh sebarang markah kerana menghasilkan media yang salah. Hal ini menunjukkan kegagalan calon dalam mengenal pasti kata kunci soalan untuk menghasilkan sesuatu media.

Pada Bahagian C pula, mutu jawapan calon berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan calon gagal mengemukakan lima idea yang bertepatan dengan skema. Calon juga tidak meletakkan idea pada ayat yang pertama, sebaliknya mereka meletakkan idea tersebut di tengah perenggan huraian ataupun di akhir huraian. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan idea yang tidak berfokus. Sebagai contoh, soalan 7 calon hanya menyatakan idea secara umum tanpa melibatkan penghasilan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni. Namun begitu, terdapat beberapa kekuatan calon, iaitu mereka mampu mengemukakan sekurang-kurangnya satu hingga tiga idea yang tepat. Hampir keseluruhan calon juga dapat menguasai teknik dan format penulisan karangan yang betul, iaitu terdiri daripada pengenalan, idea, dan kesimpulan atau penutup. Idea-idea yang diberikan juga disusun dengan seimbang dan teratur.



Dari segi perancangan, terdapat calon yang masih gagal menguruskan masa untuk menjawab soalan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak sempat menjawab soalan Bahagian A dan menyiapkan media yang ditetapkan dengan baik serta tidak menulis sebuah karangan yang menghendaki mereka menyenaraikan lima idea yang relevan. Secara keseluruhannya, boleh dilihat calon hanya mengutamakan Bahagian B (alih bentuk komunikasi) dan Bahagian C (esei) berbanding dengan Bahagian A (struktur).

Dari aspek bahasa pula, penguasaan bahasa kebanyakan calon kurang memuaskan kerana pelbagai kesalahan bahasa dilakukan dalam penulisan. Hal ini menyebabkan markah bahasa calon antara 1 hingga 2 markah sahaja. Dari segi pembinaan ayat, aspek kesalahan yang kerap dilakukan oleh calon ialah mereka menulis ayat yang tidak mempunyai komponen yang lengkap. Sebagai contoh, tiada subjek, predikat atau mengandungi frasa yang tidak lengkap. Calon juga menulis ayat yang tergantung dan ayat-ayat yang panjang serta meleret-leret sehingga menjejaskan maksud ayat tersebut. Seterusnya, kesalahan penggunaan kata pemerai 'ialah' dan 'adalah' serta penggunaan imbuhan yang salah juga banyak dilakukan.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN A: Soalan Struktur**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** manfaat pembangunan sistem jalur lebar berkelajuan tinggi kepada pelajar.

Antara manfaat yang boleh dikemukakan calon ialah:

- Meningkatkan komunikasi
- Meningkatkan kadar celik Teknologi Maklumat (IT)
- Menggalakkan e-pembelajaran
- Memudahkan maklumat diakses
- Memudahkan penyelidikan dijalankan
- Meningkatkan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

Kelemahan calon bagi soalan ini ialah calon gagal mengemukakan idea dan huraian dengan tepat berkaitan dengan manfaat pembangunan sistem jalur lebar berkelajuan tinggi kepada pelajar. Selain itu, tahap pengetahuan calon kepada idea yang dihasilkan juga agak lemah. Hal ini menyebabkan calon tidak mampu memperoleh markah yang baik bagi soalan ini.

##### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** cabaran terhadap keutuhan moral dan kekuatan etika masyarakat Malaysia kini.

Antara cabaran yang boleh dinyatakan oleh calon ialah:

- Kemiskinan
- Gaya hidup negatif
- Ketidakmatangan berpolitik

- Tadbir urus yang pincang
- Penyalahgunaan media sosial
- Pengaruh budaya negatif asing
- Materialistik/sikap negatif individu
- Keruntuhan institusi kekeluargaan
- Pengaruh negatif industri hiburan/media massa
- Kurangnya penghayatan nilai-nilai murni/moral/agama

Secara keseluruhan mutu jawapan pada bahagian ini berada pada tahap sederhana. Sebahagian besar calon dapat mengemukakan idea dengan tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan calon berkenaan isu yang diutarakan adalah baik. Hal ini dibuktikan apabila sebahagian besar calon menjawab soalan ini dengan idea pengaruh budaya negatif, penyalahgunaan media sosial, pengaruh negatif media massa, dan sikap negatif individu. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak mampu memberikan huraian atau penjelasan yang baik terhadap idea yang diberikan. Hal ini menyebabkan calon tersebut tidak memperoleh markah penuh.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan **empat** objektif Rukun Negara.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Mencapai perpaduan
- Mencipta satu masyarakat yang adil
- Memelihara cara hidup demokratik
- Membina sebuah masyarakat yang progresif
- Membentuk satu sikap liberal terhadap kebudayaan

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada soalan ini adalah memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar calon dapat memberikan idea dengan baik dan memenuhi kehendak tugas. Jelaslah bahawa sebahagian besar calon mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkenaan objektif Rukun Negara. Oleh itu, sebahagian besar calon memperoleh markah penuh bagi soalan ini. Namun begitu, terdapat juga calon yang mengemukakan satu atau dua objektif sahaja bagi soalan ini.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menyatakan **tiga** impak pelaksanaan Dasar Sogoshosha.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Peningkatan daya saing negara
- Penembusan/peluasan pasaran baharu
- Kewujudan syarikat multinasional malaysia

- Pemindahan pengetahuan/teknologi baharu
- Peningkatan nilai perdagangan luar malaysia
- Peningkatan eksport negara/eksport bukan tradisional
- Peningkatan pelaburan secara usaha sama/peluang-peluang pada peringkat antarabangsa

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada soalan ini tidak memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar calon tidak menjawab soalan dan meninggalkan ruang kosong pada soalan ini. Sebahagian besar calon menjawab soalan ini dengan memberikan idea yang tidak relevan dan juga tidak bertepatan dengan skema. Jawapan yang tidak relevan tersebut menyebabkan calon gagal memperoleh sebarang markah. Namun begitu, terdapat sebilangan kecil calon yang mampu memberikan satu jawapan yang bertepatan dengan skema. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan calon terhadap isu soalan ini adalah lemah.

## **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang menunjukkan pola perubahan pelaburan langsung asing di Malaysia mengikut sektor dari tahun 2008 hingga tahun 2012. Graf yang sesuai untuk dihasilkan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan ialah graf garis kompaun dan graf alternatif ialah graf bar kompaun. Sebahagian besar calon memahami soalan dengan baik dan mampu menganalisis data yang diberikan dengan baik serta menghasilkan media yang tepat. Majoriti calon juga dapat membuat pengiraan dengan tepat dan berjaya memindahkan data dalam petikan ke jadual dengan lengkap.

Selain itu, calon juga berjaya melukis graf garis kompaun atau graf bar kompaun yang dikehendaki soalan dengan kemas dan lengkap. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan calon, seperti yang berikut:

- Melukis graf dengan jarak yang tidak seragam
- Tajuk yang ditulis tidak lengkap atau salah tajuk
- Tidak menulis perkataan tahun pada paksi x
- Graf yang dikemukakan salah label dan unit pada paksi y. Sebagai contoh, calon hanya menulis 'pelaburan langsung asing' walhal label yang sepatutnya ialah 'pelaburan langsung asing mengikut sektor'.
- Unit yang dikemukakan oleh calon adalah salah. Sebagai contoh, calon hanya menulis 'RM' atau 'juta' sahaja walhal unit yang sepatutnya ialah 'RM juta'
- Melukis graf tanpa petunjuk atau petunjuk pada halaman sebelah
- Tidak menyiapkan graf sepenuhnya, contohnya warna yang tidak lengkap (graf bar kompaun)
- Mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik (graf bar kompaun)
- Menggunakan simbol atau lorekan sebagai pengganti kepada teknik mewarna
- Sumber yang tidak lengkap

Kelemahan calon seperti yang di atas menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon melukis graf yang menunjukkan pola perubahan pengeluaran produk utama terpilih di Malaysia pada tahun 2006 hingga tahun 2010. Graf yang sepatutnya dilukis oleh calon ialah graf garis kompaun atau bar kompaun. Calon berjaya mengenal pasti jenis graf dengan baik. Majoriti mereka berjaya membina jadual dengan baik dengan mengemukakan tajuk, label, unit, petunjuk, dan data yang betul berdasarkan petikan yang diberikan. Untuk bahagian graf pula, calon berjaya melukis graf garis kompaun dengan baik dengan plot yang tepat. Namun begitu, terdapat beberapa kesalahan atau kelemahan calon, iaitu:

- Jadual tidak mempunyai tajuk, label, dan unit. Sebagai contoh, calon tidak mengemukakan label 'jenis produk'
- Tajuk yang salah pada jadual, tajuk yang dikemukakan tidak mempunyai lokasi, iaitu Malaysia
- Data yang dikemukakan tidak lengkap. Sebagai contoh, calon tidak mengemukakan data pada tahun 2010
- Data yang memerlukan pengiraan juga salah. Sebagai contoh, data tahun 2009, data yang diberikan oleh calon ialah 122 179 dan data yang sepatutnya ialah 112 179
- Graf yang tidak mempunyai label dan unit
- Graf yang dikemukakan menggunakan skala lompat
- Graf yang dikemukakan menggunakan tahun sebagai petunjuk
- Plot yang salah pada graf
- Calon salah media, graf yang dibuat ialah graf bar memesong dan graf garis memesong

### **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

#### Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pengalaman prinsip kelima Rukun Negara dapat membentuk keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.

Antara peranan rakyat untuk memelihara keluhuran perlembagaan negara adalah seperti yang berikut:

- Ikhlas
- Tekun
- Rasional
- Berdisiplin
- Bertoleransi
- Amanah/jujur
- Berbudi bahasa
- Bermoral/beretika
- Bertanggungjawab

- Hormat menghormati
- Bersopan santun/bertatasusila

Sebahagian calon berjaya memberikan idea yang relevan dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Namun begitu, kelemahan calon ialah mereka tidak mengemukakan idea pada ayat pertama. Calon juga memberikan idea prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan pengamalan prinsip kelima Rukun Negara yang menyebabkan calon tidak memperoleh markah. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak mengaitkannya dengan pengamalan prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dapat membentuk keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni. Selain itu, jawapan calon juga boleh dikategorikan sebagai menyeleweng dan tidak relevan kerana tiada kaitan dengan kehendak soalan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada soalan ini berada pada tahap yang sederhana.

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan ketersampaian kemudahan infrastruktur asas dan sosial ke kawasan luar bandar dapat mengecilkan jurang sosioekonomi dengan kawasan bandar.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Bekalan air bersih
- Pembinaan sekolah
- Kemudahan kesihatan
- Kemudahan jalan raya
- Bekalan tenaga elektrik
- Kemudahan rekreasi/sukan
- Kemudahan telekomunikasi
- Pembinaan rumah/baik pulih rumah

Kelemahan calon pada soalan ini ialah calon gagal memberikan idea dan huraian yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana calon membincangkan idea dari aspek yang lain seperti kesan ketersampaian infrastruktur asas dan sosial di kawasan luar bandar, dan kepentingan kemudahan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dan bandar. Idea tersebut menyebabkan jawapan calon dikategorikan sebagai menyeleweng. Hal ini akan menyebabkan calon gagal memperoleh sebarang markah. Selain itu, kebanyakan calon menghasilkan jawapan yang tidak relevan dan ini membuktikan bahawa pengetahuan calon berkenaan dengan isu ini berada pada tahap yang lemah. Namun begitu, terdapat sebahagian calon yang mampu memberikan jawapan yang relevan dan bertepatan dengan skema.

# PENGAJIAN AM 900/3

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 41 686 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.28% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.09	6.72	5.16	8.67	9.67	10.37	10.60	6.75	9.39	5.38	13.20

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	6	A	11	C
2	A	7	D	12	A
3	D	8	B	13	A
4	D	9	C	14	B
5	C	10	C	15	B

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini untuk Bahagian A berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh calon, soalan aneka pilihan yang dikemukakan mempunyai aras kesukaran sederhana, iaitu pada julat 0.3 hingga 0.8. Hal ini dibuktikan apabila sebanyak 30% hingga 70% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: Alih Bentuk Komunikasi dan Esei

#### Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mampu memahami soalan dengan baik tetapi memberikan idea yang tidak bertepatan dengan skema. Jawapan calon memperlihatkan beberapa kelemahan dari segi pengolahan idea, huraian, struktur ayat, dan kesalahan tatabahasa. Kesalahan tersebut jelas terlihat pada soalan di Bahagian C. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang dapat mempersembahkan karangan dengan baik dan cemerlang.

Seterusnya, pada Bahagian B sebahagian besar calon berjaya menjawab soalan 16 dengan baik. Namun begitu, kebanyakan calon memperoleh markah pada bahagian analisis data tetapi mengemukakan idea yang tidak relevan berkaitan dengan langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh. Bagi soalan 17 pula, kebanyakan calon berjaya menjawab soalan dengan baik, namun masih ada sebahagian calon yang gagal memberikan idea yang relevan berkaitan dengan usaha kerajaan bagi mengurangkan import sisa plastik ke Malaysia. Secara keseluruhannya, kekuatan calon pada bahagian ini adalah calon mampu memberikan analisis data yang tepat tetapi tidak mampu memberikan langkah atau usaha yang dikehendaki oleh soalan. Selain itu, terdapat juga calon yang tidak mendapat markah penuh pada analisis data kerana calon gagal menyatakan jumlah dan peratus perubahan serta peratus daripada jumlah keseluruhan.

Pada Bahagian C, jawapan calon berada pada tahap sederhana. Kekuatan calon pada bahagian ini ialah calon cuba menjawab kedua-dua soalan mengikut masa yang telah ditetapkan. Calon dapat menjawab soalan 18 dan soalan 20 dengan baik. Hal ini dibuktikan dengan idea yang diberikan oleh calon bertepatan dengan skema jawapan. Namun begitu, kelemahan calon pada bahagian ini mereka mampu memberikan idea yang baik tetapi huraian yang diberikan lemah dan tidak sesuai dengan idea yang diberikan. Hal ini jelas menunjukkan pengetahuan calon tentang isu yang diberikan cetek. Kelemahan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah bagi huraian, calon hanya mendapat markah idea sahaja.

Di samping itu, kelemahan calon dari aspek tatabahasa. Antara kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Ayat yang panjang dan kompleks sehingga maksud yang hendak disampaikan menjadi tidak jelas
- Penggunaan tanda baca yang salah
- Kesalahan penggunaan imbuhan
- Struktur ayat tidak gramatis
- Kesalahan ejaan

Kesalahan bahasa yang banyak menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh bagi bahasa.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

##### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan keadaan pelancong luar ke negara Malaysia antara tahun 2016 hingga tahun 2018 dan menghuraikan langkah kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama.

Secara keseluruhan calon mengemukakan idea bagi bahagian analisis data perubahan dan perbandingan dengan baik. Antara idea yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Pola perubahan:

- Jumlah keseluruhan kedatangan pelancong ke Malaysia menurun
- Bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dari China meningkat
- Bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dari Singapura menurun
- Bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dari Indonesia, India dan Brunei tidak konsisten

Pola perbandingan:

- Jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia paling ramai dari China dan jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia paling sedikit dari India.
- Kedatangan pelancong ke Malaysia paling ramai dari China dan kedatangan pelancong ke Malaysia paling sedikit dari India.

Namun begitu, huraian data yang diberikan oleh calon tidak lengkap. Antara kelemahan calon dalam memberikan huraian data ialah calon tidak menulis nilai perubahan dan peratus perubahan. Hal ini disebabkan calon mengabaikan pengiraan bagi jumlah perubahan, peratus perubahan, jumlah keseluruhan, dan peratus daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, sebahagian calon tidak menulis negara yang mengalami perubahan dengan lengkap. Hal ini bermaksud calon hanya menulis satu negara sahaja sedangkan idea tersebut menghendaki calon menyatakan ketiga-tiga negara.

Seterusnya, sebahagian calon mampu menghuraikan langkah kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancong utama. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Mempromotkan strategi
- Meningkatkan tahap keselamatan
- Mengadakan acara antarabangsa
- Melestarikan keindahan alam sekitar
- Mempromotkan kempen melawat Malaysia
- Meningkatkan hospitaliti/layanan mesra
- Membangunkan destinasi mesra pelancong
- Meningkatkan prasarana awam/infrastruktur
- Memperkasa produk pelancongan sedia ada
- Memperkenalkan produk pelancongan baharu

### **Soalan 17**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan import dagangan sisa bahan plastik oleh Malaysia dan negara-negara terpilih dari tahun 2015 hingga tahun 2017 dan menjelaskan tindakan kerajaan dalam mengurangkan import sisa bahan plastik ke Malaysia.

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon pada soalan ini berada pada tahap sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mampu mengemukakan sekurang-kurangnya dua idea bahagian analisis data perubahan dan data perbandingan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Pola perubahan:

- Jumlah keseluruhan import dagangan sisa bahan plastik menurun
- Jumlah import dagangan sisa bahan plastik negara China dan India menurun
- Jumlah import dagangan sisa bahan plastik negara Indonesia dan Malaysia meningkat
- Jumlah import dagangan sisa bahan plastik negara Taiwan dan Hong Kong tidak konsisten



Pola perbandingan:

- Jumlah import dagangan yang tertinggi sepanjang tempoh tiga tahun ialah negara China manakala import dagangan terendah ialah negara Indonesia

Walaupun calon mampu mengemukakan idea analisis bagi soalan ini, namun sebahagian calon tidak mendapat markah penuh kerana kecuaiian dalam menjawab soalan tersebut. Calon sering memberikan idea yang tidak lengkap. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak memberikan data perubahan dan peratus perubahan.

Seterusnya, calon perlu memberikan tindakan kerajaan dalam mengurangkan import sisa plastik ke Malaysia. Antara jawapan yang sering dijawab oleh calon ialah menguatkuasakan undang-undang. Namun begitu, calon juga boleh memberikan idea seperti yang berikut sebagai jawapan:

- Mengharamkan pengimportan sisa plastik
- Menambah baik dasar pengurusan sisa plastik negara
- Mempergiat kempen penggunaan bahan alternatif plastik
- Memperkasa penguatkuasaan peraturan/undang-undang
- Meningkatkan kerjasama dengan negara pengekspor sisa plastik

Calon juga mengemukakan idea yang tidak relevan sebagai jawapan. Sebagai contoh, mengurangkan import sisa plastik, mengitar semula sisa plastik, dan menghantar sisa plastik ke negara asal. Idea berikut menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah.

### **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

#### **Soalan 18**

Soalan ini menghendaki calon untuk mengemukakan faktor menentukan pembentukan dasar luar Malaysia. Secara keseluruhan, mutu jawapan calon berada pada tahap baik. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mampu berikan faktor penentu tersebut dengan lengkap seperti skema jawapan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Sejarah
- Ekonomi
- Geopolitik
- Demografi
- Sosiobudaya
- Agama Islam
- Wawasan pemimpin
- Kepentingan nasional
- Geostrategik/geografi
- Prinsip/Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Walaupun calon mampu memberikan idea yang bertepatan dengan skema, huraian yang diberikan oleh calon tidak relevan dengan idea yang diberikan. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh.

### Soalan 19

Soalan menghendaki calon menghuraikan isu pengabaian hak kebajikan pekerja asing yang dilaporkan di Malaysia dan membincangkan langkah bagi menangani isu tersebut. Kebanyakan calon memahami kehendak soalan dengan baik, namun idea yang diberikan tidak relevan. Sebagai contoh, isu majikan tidak menjaga pekerja, isu hak kewarganegaraan pekerja, dan isu persaingan dengan pekerja tempatan. Jawapan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah. Antara isu pengabaian yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Isu kemudahan penginapan
- Isu pembayaran gaji
- Isu waktu bekerja
- Isu keselamatan
- Isu permit kerja
- Isu kesihatan

Selain itu, mutu jawapan bagi langkah mengatasi juga berada pada tahap sederhana. Antara langkah yang boleh dikemukakan oleh calon adalah yang seperti berikut:

- Mengadakan perbincangan dua hala
- Memperkemas proses pengambilan pekerja asing
- Meningkatkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan
- Menambah baik dasar/akta/undang-undang berkaitan dengan pekerja asing
- Memperkasa penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan pekerja asing
- Meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan berkaitan dengan pekerja asing

Terdapat calon yang mengemukakan langkah yang tidak relevan seperti menghantar pulang pekerja asing, memberi latihan dan kursus, mengadakan kempen kesedaran, dan memberikan cuti kepada pekerja asing. Idea tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah. Selain itu, sebahagian calon tidak memperoleh markah penuh kerana idea yang diberikan kurang tepat seperti menguat kuasa undang-undang walhal jawapan sebenar ialah memperkasa penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan pekerja asing.

### Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan ancaman luar terhadap keselamatan negara dan membincangkan usaha untuk memastikan negara tidak terganggu oleh situasi tersebut. Antara ancaman luar yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Pengintipan
- Aktiviti pelanunan
- Penyakit berjangkit
- Persaingan ketenteraan
- Jenayah rentas sempadan
- Pertikaian/perebutan wilayah

- Kebanjiran pendatang asing tanpa izin
- Keganasan militan/antarabangsa
- Konflik dalaman antara negara lain
- Keselamatan siber/ancaman siber/jenayah siber
- Campur tangan kuasa asing/kuasa besar/negara luar

Sebahagian calon memahami kehendak soalan tetapi mereka gagal mengemukakan idea yang bertepatan dengan skema jawapan. Oleh itu, mereka tidak memperoleh markah dan karangan calon menyeleweng kerana idea yang dikemukakan tidak relevan. Selain itu, calon juga diminta untuk memberikan usaha untuk memastikan negara tidak terganggu dengan ancaman luar. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Menyuarakan bantahan
- Merujuk isu keselamatan PBB
- Menggalakkan penglibatan masyarakat
- Meningkatkan siap siaga agensi keselamatan
- Mengetengahkan prinsip kesederhanaan global
- Mejadi orang tengah dalam penyelesaian konflik
- Meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa
- Memperkasa penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan keselamatan negara

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada soalan ini berada pada tahap lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian calon tidak memahami kehendak soalan. Hal ini menyebabkan mereka menjawab sebahagian kehendak soalan sahaja. Calon hanya memberikan jawapan ancaman luar terhadap keselamatan Malaysia atau mengemukakan usaha kerajaan untuk memastikan negara Malaysia terhindar daripada ancaman keselamatan.

Selain itu, bagi calon yang memahami kehendak soalan pula mereka tidak mampu memberikan huraian yang baik. Hal ini menyebabkan calon tersebut hanya memperoleh markah idea sahaja.